

UMS patenkan hasil penyelidikan, ciptaan

Stephanie Lee

KOTA KINABALU: Hasil penyelidikan dan ciptaan inovatif penyelidik-penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan dipatenkan untuk tujuan hakcipta, kata Timbalan Naib Canselor universiti itu, Prof Dr Rosnah Ismail, pada Rabu.

"Kami baru-baru ini menganjurkan pertandingan rekacipta dan penyelidikan, Pereka 2010, pada 5 dan 6 April lalu dan melalui pertandingan itu, sebanyak 18 projek dianugerahkan pingat emas bagi kedua-dua kategori," katanya.

"Daripada jumlah itu, tujuh pingat dimenangi oleh projek inovasi sementara 11 yang lain adalah untuk projek-projek penyelidikan, dan kesemua projek penyelidikan ini akan dipatenkan dan dikenal pasti atas nilai komersilnya secepat mungkin," tambahnya.

Katanya, kebanyakan projek-projek penyelidikan ini memberi manfaat kepada masyarakat umum melalui pelbagai klasifikasi, antaranya Bantuan Pembelajaran, Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT), Pertanian, Perhutanan dan Makanan, Biosains dan Teknologi-bio, Alam Sekitar dan Tenaga serta Kejuruteraan dan Teknologi.

Sementara itu, pemenang-pemenang pertandingan itu akan dibawa untuk bertanding pada peringkat lebih tinggi pada Pameran Teknologi Inovasi di Kuala Lumpur dari 14-16 Mei ini dan juga ke Jerman untuk pertandingan peringkat antarabangsa tahun ini.